

**MENGENAL TAHAP KEPUASAN PEKERJA TENTANG FAKTOR
KESELAMATAN PEKERJA BEKERJA DI GUDANG PASARAYA
SEKITAR KAWASAN SEBERANG PERAI**

10DLS14F2014	MUHAMAD NUR FAISHALZUDDIN BIN ZAINUDIN
10DLS14F2042	MUHAMAD MURSYID BIN AZEMI
10DLS14F2054	MUHAMAD EZUWAN BIN MUHAMAD
10DLS14F2056	MUHAMMAD AKRAMMIN BIN MOKHTAR
10DLS14F2052	ANIS AMIRAH BINTI KAMARUZAMAN
10DLS14F2012	LIM HUI JING

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

**MENGENAL TAHAP KEPUASAN PEKERJA TENTANG FAKTOR
KESELAMATAN PEKERJA BEKERJA DI GUDANG PASARAYA SEKITAR
KAWASAN SEBERANG PERAI**

MUHAMAD NUR FAISHALZUDDIN BIN ZAINUDIN	10DLS14F2014
MUHAMAD MURSYID BIN AZEMI	10DLS14F2042
MUHAMAD EZUWAN BIN MUHAMAD	10DLS14F2054
MUHAMMAD AKRAMMIN BIN MOKHTAR	10DLS14F2056
ANIS AMIRAH BINTI KAMARUZAMAN	10DLS14F2052
LIM HUI JING	10DLS14F2012

DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “**Mengkaji Tahap Kepuasan Pekerja Tentang Faktor Keselamatan Pekerja Bekerja di Gudang Pasaraya Sekitar Kawasan Seberang Perai**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang ditetapkan.

Disemak oleh

Nama Penyelia :

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Pensyarah Kursus :

Tandatangan Pensyarah Kursus :

Tarikh :

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “**Mengkaji Tahap Kepuasan Pekerja Tentang Faktor Keselamatan Pekerja Bekerja di Gudang Pasaraya Sekitar Kawasan Seberang Perai**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang ditetapkan.

Disemak oleh

Nama Penyelia :

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Pensyarah Kursus :

Tandatangan Pensyarah Kursus :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

1. Tandatangan :

Nama : MUHAMAD EZUWAN BIN MUHAMAD

No. Pend : 10DLS14F2054

Tarikh :

2. Tandatangan :

Nama : MUHAMAD NUR FAISHALZUDDIN BIN ZAINUDIN

No. Pend : 10DLS14F2014

Tarikh :

3. Tandatangan :

Nama : MUHAMAD MURSYID BIN AZEMI

No. Pend : 10DLS14F2042

Tarikh :

4. Tandatangan :

Nama : MUHAMMAD AKRAMMIN BIN MOKHTAR

No. Pend : 10DLS14F2056

Tarikh :

5. Tandatangan :

Nama : ANIS AMIRAH BINTI KAMARUZAMAN

No. Pend : 10DLS14F2052

Tarikh :

6. Tandatangan :

Nama : LIM HUI JING

No. Pend : 10DLS14F2012

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur terhadap kehadiran Ilahi kerana dengan izinNya dikurniakan kesihatan yang baik sehingga dapat menyempurnakan laporan projek ini bagi memenuhi keperluan syarat penganugerahan Diploma Logistik & Rangkaian Bekalan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Puan Juliana kerana sudi menyelia kami dan memberi tunjuk ajar, bimbingan serta meluangkan masa kepada kami sepanjang menjalankan kajian ini. Beliau telah banyak membantu kami dalam memberikan cadangan dan pendapat dalam menyelesaikan kajian ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nor Hasni binti Harun selaku tenaga pengajar kepada kajian ini yang telah memberi panduan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa yang akan datang.

Selain itu, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua responden atas kerjasama yang telah diberikan. Tanpa bantuan daripada mereka sukar untuk menyempurnakan kajian ini. Seterusnya, ribuan terima kasih buat keluarga tercinta kerana memberikan dorongan dan sokongan moral. Tidak lupa juga rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan serta sudi berkongsi idea, pendapat serta kata-kata semangat sehingga projek ini berjaya disempurnakan.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada pihak gudang pasaraya Mydin, Aeon Big Seberang Jaya, Pacific Pinang Megamall, Parkson Sunway Carnival Mall dan Tesco Seberang Jaya dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak lansung di dalam menjayakan projek kajian ini. Semoga sumbangan dan budi baik yang diberikan mendapat rahmat dan ganjaran dariNya. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk “Mengkaji Tahap Kepuasan Pekerja Tentang Faktor Keselamatan Pekerja Bekerja di Gudang Pasaraya Sekitar Kawasan Seberang Perai. Gudang Pasaraya yang dipilih adalah Mydin Bukit Mertajam, Aeon Big Seberang Jaya, Pacific Pinang Megamall, Tesco Seberang Jaya dan Parkson Sunway Carnival Mall. Objektif kajian ini adalah mengkaji sama ada faktor polisi keselamatan, infrastruktur dan susun atur barang mempengaruhi tahap kepuasan pekerja tentang faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang. Seramai 100 orang responden daripada golongan lelaki dan perempuan dari pelbagai kaum dan umur telah diedarkan borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian ini. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang mengetahui tentang faktor keselamatan di gudang yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan, seharusnya dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) untuk mendapatkan jumlah purata dan peratusan.

ABSTRACT

The Purpose of the research was to investigate the satisfaction of workers about worker's safety factor working in the supermarket warehouse around Seberang Perai. Supermarket that is choosen is at Mydin Bukit Mertajam, Aeon Big Seberang Jaya, Pacific Pinang Megamall, Tesco Seberang Jaya dan Parkson Sunway Carnival Mall. The objective of this research was to investigate whether the safety policy, infrastructure, layout of the warehouse affect the satisfaction of worker about safety factor. A total of 100 respondents from workers man and women from various races and age have distributed questionnaires to meet the objectives of this study. Results obtained from the questionnaires that were distributed, should be analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to get the average number and percentage.

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	i
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PERAKUAN PELAJAR	iii-iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.6.1 Kepentingan kepada Pengkaji akan Datang	11
1.6.2 Kepentingan kepada Pengurusan Gudang	11
1.6.3 Kepentingan kepada Pekerja Gudang	12
1.7 Definasi Operasi	13
1.7.1 Gudang	13
1.7.2 Polisi Keselamatan	14
1.7.3 Infrastruktur	15
1.7.4 Susun Atur	16
1.8 Limitasi Kajian	17

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	18
2.2	Faktor Polisi Keselamatan	18
2.3	Faktor Infrastruktur	21
2.4	Faktor Susun Atur Barangan	23

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Teknik Pengumpulan Data	29
3.3.1	Data Primer	30
3.3.2	Data Sekunder	31
3.4	Populasi dan Sampel	32
3.4.1	Populasi Kajian	32
3.4.2	Sampel Kajian	33
3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	Borang Soal Selidik	34
3.6	Kaedah Analisa Data	37
3.6.1	Analisa Kajian Rintis	38
3.6.2	Analisis Kekerapan	38
3.6.3	Analisis Min	39

BAB 4	KEPUTUSAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	41
4.2.1	Bahagian A – Latar Belakang Responden	42
4.2.2	Bahagian B – Analisis Faktor Tahap Kepuasan Pekerja Tentang Faktor Keselamatan Pekerja Bekerja di Gudang Pasaraya Sekitar Kawasan Seberang Perai	48
BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	56
5.2	Perbincangan	57
5.2.1	Perbincangan Terhadap Faktor Polisi Keselamatan Yang Digunakan Dalam Gudang Pasaraya	57
5.2.2	Perbincangan Terhadap Faktor Infrastruktur Yang Disediakan di Gudang Pasaraya	58
5.2.3	Perbincangan Terhadap Faktor Susun Atur di Gudang Pasaraya	60
5.3	Cadangan	61
5.3.1	Cadangan Kepada Pekerja Gudang	62
5.3.1.1	Faktor Polisi Keselamatan	63
5.3.1.2	Faktor Infrastruktur	63
5.3.1.3	Faktor Susun Atur Barangan	64
5.3.2	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Gudang	64
5.3.2.1	Faktor Polisi Keselamatan	64
5.3.2.2	Faktor Infrastruktur	65
5.3.2.3	Faktor Susun Atur Barangan	65
5.3.3	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	66

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
3.1 Skala likert	36
4.1 Analisis kebolehpercayaan data	41
4.2 Peratusan responden mengikut jantina	42
4.3 Peratusan responden mengikut umur	43
4.4 Peratusan responden mengikut bangsa	44
4.5 Peratusan responden mengikut tempoh bekerja	45
4.6 Peratusan responden mengikut tahap pembelajaran	46
4.7 Skala min skor	49
4.8 Analisis soalan dari sudut polisi keselamatan	50
4.9 Analisis soalan dari sudut infrastruktur	52
4.10 Analisis soalan dari sudut susun atur barangan	54

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
4.1 Peratusan responden mengikut jantina	43
4.2 Peratusan responden mengikut umur	44
4.3 Peratusan responden mengikut bangsa	45
4.4 Peratusan responden mengikut tempoh pekerjaan	46
4.5 Peratusan responden mengikut tahap pembelajaran	47

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam suatu aliran perniagaan, terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan salah satu daripada itu adalah pergudangan. Logistik ini sangat penting kepada sebuah organisasi, tanpa logistik sebuah organisasi itu tidak teratur. Sesebuah organisasi sangat memerlukan unit logistik untuk menggerakkan proses perjalanan barang. Antara salah satu aktiviti logistik adalah aktiviti pergudangan. Dalam kajian ini, ia akan menjelaskan dengan lebih mendalam tentang pergudangan.

Gudang adalah tempat, bangunan atau premis untuk menyimpan barang-barang dengan selamat sehingga barang-barang itu diperlukan. Gudang adalah satu tempat atau bangunan yang digunakan untuk menyimpan barang-barang dengan tujuan untuk menghindarkan barang-barang tersebut daripada kerosakan dan kehilangan akibat perbuatan manusia, binatang atau disebabkan suhu dan cuaca.

Gudang merupakan satu kepentingan untuk sesebuah perniagaan. Gudang memudahkan proses perniagaan untuk sesebuah syarikat itu lebih sistematik. Sebagai contoh Lazada, ia syarikat yang mana merupakan pusat membeli belah atas talian yang membekalkan pelbagai produk. Pergudangan Lazada telah menggunakan sistem berkomputer untuk barangan keluar dan masuk di dalam gudang.

Contoh syarikat yang lain ialah IKEA. IKEA merupakan tempat penjualan barangan rumah seperti perabot, perkakas dapur dan sebagainya. Cara jualan di gudang IKEA ialah pelanggan memilih barangan yang mereka hendak beli. Sekiranya pelanggan memerlukan bantuan, mereka boleh menemui *co-worker* di tempat informasi. Pergudangan IKEA mempunyai polisi keselamatan, susun atur dan infrastruktur yang ditetapkan oleh SOP (*Standard of Procedure*).

Kepentingan gudang untuk sesebuah perniagaan ialah untuk memudahkan sesebuah pasaraya menyimpan barang barang yang belum digunakan. Contoh seperti pasaraya besar mempunyai gudang seperti gudang Mydin, Tesco, Aeon Big dan sebagainya. Pembekal yang menghantar barang akan terus ke gudang pasaraya tersebut dan barang akan diterima oleh gudang secara pukal.

Seperti yang kita ketahui, pasaraya biasanya menjual pelbagai jenis barangan seperti barang elektrik, barang dapur, cucian pakaian, makanan sejuk beku dan sebagainya. Oleh itu, gudang akan terbahagi kepada banyak bahagian. Makanan sejuk beku akan disimpan didalam peti sejuk beku di gudang sementara menunggu stok didalam pasaraya habis dibeli pelanggan. Barang barang digudang akan disusun mengikut pengkelasan barang tersebut.

Setiap gudang untuk sesebuah syarikat akan dibina mengikut jenis perniagaan yang dijalankan. Tetapi untuk gudang penyimpanan pasaraya, reka bentuknya hampir sama. Ini kerana, setiap pasaraya mempunyai barangan yang sama untuk dipasarkan. Kebanyakan barang yang dipasarkan juga diperoleh daripada pembekal yang sama. Oleh itu, konsep pergudangan untuk pasaraya hampir sama.

5

Gudang yang dibina semestinya selamat untuk digunakan supaya tiada berlaku sebarang kecederaan. OSH atau keselamatan diletakkan di bawah akta undang-undang keselamatan untuk mencegah kecederaan berlaku di tempat kerja. Pekerja gudang harus didedahkan tentang OSH. Polisi keselamatan adalah perkara penting untuk sebuah perniagaan.

Infrastruktur adalah sangat penting untuk sebuah perniagaan. Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Infrastruktur yang baik untuk sebuah gudang akan menjadikan perkhidmatan logistik bertambah baik. Sektor tenaga memainkan peranan penting dalam menjayakan semua usaha pembangunan infrastruktur ini. Langkah akan diambil oleh sesebuah gudang untuk memperkukuhkan infrastruktur.

Pekerja sesebuah gudang biasanya akan mempelajari bagaimana pemeriksaan barang-barang semasa penerimaan, pengeluaran dan penyimpanan. Pekerja juga harus diajar bagaimana susun atur barangan digudang supaya tidak tersilap dalam pengkelasan barang. Susun atur barangan adalah amat penting untuk gudang supaya memudahkan untuk menerima, menyimpan barangan dan sebagainya. Susun atur yang teratur dan efektif dapat meningkatkan kepantasan dan kecekapan untuk menjalankan sesuatu kerja.

Gudang yang dalam keadaan baik akan lebih terjamin dan dapat mengelakkan dari berlaku sebarang kemalangan. Langkah keselamatan sangat penting untuk sebuah gudang. Jika tidak diambil serius, ianya akan menyebabkan kerugian kepada syarikat atau mungkin menyebabkan nyawa pekerja tidak selamat.

Jika berlaku kemalangan, pihak syarikat perlu mengeluarkan jumlah yang tinggi untuk menggantikan segala yang rosak atau membayar pampasan kepada pekerja yang cedera. Ianya juga mungkin menyebabkan pekerja yang lain takut untuk terus bekerja digudang tersebut. Pihak atasan perlu memainkan peranan penting dalam pengurusan sesebuah gudang.

1.2 Penyataan Masalah

Masalah berkaitan gudang yang ada, sering menimbulkan keresahan terhadap pekerja gudang atau orang yang ingin bekerja di gudang, ini kerana kemalangan gudang seperti kebakaran dan berlaku kecederaan kepada pekerja yang kerap berlaku di dalam Malaysia dan juga luar Negara. Oleh sebab itu, kami melakukan kajian terhadap keselamatan gudang untuk membantu memberi informasi terhadap pekerja gudang dan juga pengurus yang boleh menambah baik keselamatan gudang

Selain itu, akhbar yang dikeluarkan oleh Utusan Sarawak, yang di tulis oleh Aini Selikang pada 10 Dec 2015 mengatakan, Sebuah gudang kosong yang dijadikan stor penyimpanan barang di Jalan Sungai Nyelong di sini, musnah dalam kebakaran pada jam 8.30 semalam, Suna Kaha berkata, kebakaran itu menyebabkan struktur bangunan berkenaan musnah kira-kira 30 peratus. Kejadian ini adalah kerana tidak mempunyai infrastruktur yang lengkap untuk mengawal api dari marak, Pihak pengurus harus mengambil kejadian ini sebagai satu iktibar untuk menyediakan infrastruktur yang lebih lengkap bagi memudahkan pekerja atau pihak bomba mengawal keadaan dengan lebih mudah dan tepat.

Di samping itu, Berita Wilayah mengeluarkan akhbar pada 11 Ogos 2016 menyebut tentang Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Johor mendapati bahawa hanya 20 peratus daripada 120 kilang yang diperiksa pada tahun lepas mematuhi Peraturan Kilang dan Jentera, Pengarahnya Kormain Mohd Nor berkata kebanyakan daripada kilang didapati masih gagal melaksanakan langkah kawalan kejuruteraan yang bersesuaian seperti menyediakan penghadang kebisingan

dan melakukan ujian audiometrik terhadap pekerja mereka. Hal ini kerana, pihak pengurus yang kurang mengambil berat tentang keselamatan pekerja dengan tidak menyediakan peralatan yang lengkap untuk pekerja, hal seperti ini boleh mengundang kemalangan dan kecederaan kepada pekerja. "Daripada pemeriksaan yang telah dijalankan oleh DOSH, kita berjaya mengesan sebanyak 458 kes melibatkan pekerja yang hilang pendengaran akibat bunyi bising, 11 kes membabitkan penyakit "Muscular Skeletal Disorder" (MSD) akibat faktor ergonomik dan tujuh kes lagi adalah akibat daripada pendedahan bahan kimia berbahaya dan menjejaskan kesihatan, " yang dikatakan oleh Kormain Mohd Nor, seharusnya pihak atasan harus mengambil berat tentang hal sebegini kerana dari mengelakkan pengianayaan terhadap pekerja yang terpaksa mengalami kecederaan akibat tidak mencukupi peralatan yang lengkap dan juga dari tindakan pihak berkuasa OSH atau Keselamatan dan Kesehatan Administrasi didirikan di bawah Undang-Undang Keselamatan dan Kesehatan untuk mencegah cedera yang berhubungan dengan pekerjaan penyakit dan kematian, OSH menyelesaikan ini sebagian besar dengan memeriksa fasiliti kerja dan menerbitkan kutipan atau denda atas pelanggaran hukum.

Keratan akhbar Sinar Online pernah mengeluarkan kemalangan di gudang baja pertanian di Tawau hampir musnah keseluruhannya dalam kebakaran pada 28 jun 2016, hal ini boleh berlaku kerana ketua operasi gudang yang mengambil mudah tentang keselamatan gudang dengan tidak menyediakan pemadam api yang boleh mengelakkan api dari marak dengan cepat, mengikut keratan akhbar Sinar Online kejadian kebakaran di gudang baja pertanian di tawau anggota bomba menghadapi masalah air untuk memadam kebakaran berikutan tiada pili bomba di kawasan gudang terbabit dan hanya terdapat satu pili bomba kira-kira 200 meter dari lokasi kejadian, Pengurus gudang yang tidak menyediakan pili bomba di tempat kawasan gudang menjadi peranan yang besar dalam memadam kebakaran yang berlaku di gudang, pengurus gudang boleh dikenakan denda oleh pihak berkuasa kerana tidak menyediakan peralatan keselamatan yang lengkap. Ini melibatkan infrastruktur yang tidak lengkap pada gudang baja pertanian tersebut.

Akhir sekali, menurut akhbar Luar Negara gudang tentera meletup di Jakarta pada 5 Mac 2015 dan melibatkan seorang pegawai tentera laut Indonesia maut, sementara 87 yang lain cedera apabila satu letupan dan kebakaran berlaku di sebuah gudang senjata, kejadian ini boleh berlaku kerana kecuaian pekerja gudang dalam mengawal sesuatu barangan yang berbahaya, seharusnya pekerja gudang diberi latihan yang betul untuk mengawal barangan yang berbahaya, kerana dalam OSHA selalu menerapkan aspek keselamatan untuk memastikan bahawa pekerja gudang mereka dilatih dalam mengawal peralatan berbahaya bagi mengelakkan risiko kecederaan kepada pekerja.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor polisi keselamatan, infrastruktur dan susun atur barangan yang mempengaruhi keselamatan. Menurut pihak pengurusan di gudang Pacific Pinang MegaMall statistik kemalangan ketika bekerja mengatakan pekerja tercedera kerana terjatuh ketika mengangkat barangan yang berat, ini menyebabkan kerana pekerja yang tidak mengikut polisi keselamatan yang disediakan oleh pihak pengurusan gudang tersebut. Manakala di gudang Mydin Bukit Mertajam menunjukkan statistik tidak ada kemalangan berlakunya sejak penubuhan gudang di pasaraya Mydin Bukit Mertajam.

Selain itu, menurut statistik kemalangan di gudang pasaraya oleh pihak pengurusan gudang Tesco Seberang Jaya, Aeon Big Seberang Jaya dan Parkson Sunway carnival Mall, tiada kemalangan yang berlaku sejak pada tahun 2014. Hal ini, kerana kepakaran pihak pengurusan dalam menguruskan gudang bagi mengelakkan dari berlakunya kemalangan yang tidak diingini.

1.3 Objektif kajian

- I. Mengenalpasti sama ada faktor polisi keselamatan mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar kawasan Seberang Perai.
- II. Mengenalpasti sama ada faktor infrastruktur mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar kawasan Seberang Perai.
- III. Mengenalpasti sama ada faktor susun atur barangan mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar kawasan Seberang Perai.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- I. Adakah polisi keselamatan mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar kawasan Seberang Perai ?
- II. Adakah infrastruktur mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar kawasan Seberang Perai ?
- III. Adakah susun atur barangan mempengaruhi faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya di sekitar Seberang Perai ?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada pekerja gudang di pasaraya di sekitar Seberang Perai iaitu di Parkson Sunway Carnival Mall, Mydin Bukit Mertajam, Aeon Big Seberang Jaya, Pacific Pinang Megamall dan Tesco Seberang Jaya. Tujuannya ialah untuk melihat tahap kepuasan pekerja tentang faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang. Responden yang dipilih adalah seramai 100 orang dalam kalangan pekerja gudang pasaraya sekitar Seberang Perai bagi mewakili populasi untuk mengisi borang soal selidik bagi mengetahui statistik pekerja yang berpuas hati tentang faktor keselamatan pekerja berkerja di gudang.

Pekerja gudang dikehendaki untuk mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan dan menjawab soalan-soalan yang diajukan. Pengedaran borang soal selidik dilakukan dengan mengedarkan borang kepada pekerja yang bekerja di gudang pasaraya sekitar Seberang Perai. Borang Kaji Selidik digunakan sebagai instrument untuk mendapatkan data-data yang akan dianalisis.

Selain itu, kajian ini juga hanya mengkaji tahap kepuasan pekerja tentang faktor keselamatan pekerja bekerja di gudang pasaraya sekitar Seberang Perai dari aspek polisi keselamatan, infrastruktur dan juga susun atur barangan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada faktor-faktor keselamatan pekerja yang bekerja di gudang pasaraya sekitar Seberang Perai lebih sistematik, teratur dan keselamatan lebih terjamin. Kajian yang dijalankan adalah untuk kepentingan kepada pelbagai pihak.

1.6.1 Kepentingan kajian pihak pengurusan gudang

Pihak Pengurusan gudang dapat mengetahui kelemahan-kelemahan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan di gudang. Dengan kajian ini, mereka dapat membaik pulih atau mengambil berat tentang keselamatan pekerja di gudang. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pihak pengurusan untuk tidak mengulangi kelemahan atau kemalangan yang dilakukan sebelum kajian ini dilakukan dan terus berusaha untuk menambah baik sistem keselamatan pekerja di gudang.

1.6.2 Kepentingan kajian kepada pekerja gudang

Para pekerja di gudang dapat mengetahui dengan jelas mengenai keselamatan ketika bekerja di gudang dan lebih terperinci untuk melakukan kerja dengan selamat. Kajian ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan tentang keselamatan pekerja di gudang, malahan ia juga dapat membantu pekerja lebih peka tentang keselamatan mereka semasa bekerja di gudang.

1.6.3 Kepentingan kajian kepada pengkaji yang akan datang

Kajian ini menekankan tentang faktor-faktor yang dapat menjadikan gudang sebagai gudang yang lebih sistematik, teratur dan keselamatan lebih terjamin. Hasil daripada kajian yang dijalankan dapat membantu pengkaji-pengkaji akan datang untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan yang membolehkan mereka mendapat maklumat dan lebih jelas tentang pengurusan.

1.7 DEFINASI OPERASI

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang mempunyai maksud dan definasi tertentu. Definasi tersebut adalah dalam konteks kajian ini sahaja.

1.7.1 Gudang

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, gudang boleh didefinisikan sebagai rumah (bangunan) untuk menyimpan barang-barang dengan banyaknya. Manakala mengikut BusinessDictionary.com, gudang didefinisikan sebagai kemudahan yang direka bentuk khas untuk penyimpanan barangan secara sementara. Pergudangan merangkumi semua aktiviti yang berkait dengan penyimpanan barang-barang di gudang dan menjadi salah satu cabang perniagaan yang membantu melicinkan perjalanan perniagaan.

Menurut konteks kajian, gudang adalah tempat dimana barang-barang disimpan sebelum diletakan dan dipasarkan di dalam pasaraya. Gudang pasaraya yang akan dikaji adalah Mydin Bukit Mertajam, Aeon Big Seberang Jaya, Parkson Sunway Carnival Mall, Pacific Pinang Megamall dan Tesco Seberang Jaya.

1.7.2 Polisi Keselamatan

Menurut BusinessDictionary.com, polisi didefinisikan sebagai satu set prinsip asas dan garis panduan yang berkaitan, digubal dan dikuatkuasakan oleh sesebuah organisasi, untuk mengarah dan menghadkan tindakan dalam usaha mencapai matlamat jangka panjang. Definasi lainnya, polisi adalah satu prosedur yang ditetapkan oleh pihak atasan sesebuah organisasi untuk sesebuah organisasi meraih matlamat yang telah mereka tetapkan.

Menurut laman sesawang (www.safetyrisk.net), keselamatan bermaksud keadaan yang melindungi daripada sesuatu perkara yang boleh mendatangkan bahaya, risiko atau kecederaan dengan penuh hati-hati. Di samping itu, keselamatan juga dikira sebagai sesuatu perkara yang direka untuk mengelak daripada kecederaan atau kemusnahan.

Menurut konteks kajian, pengkaji memberi andaian bahawa polisi keselamatan adalah prosedur untuk memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja ketika berkerja di gudang. Memastikan pekerja peka tentang cara-cara mengenal pasti bahaya dan cara-cara menanganinya.

1.7.3 Infrastruktur

Menurut Kamus Dewan Edisi ke 4, infrastruktur adalah struktur asas sesuatu organisasi seperti kemudahan dan perkhidmatan asas. Infrastruktur perlulah cukup dan berada di dalam keadaan yang baik. Infrastruktur merupakan salah satu medium penting untuk seseorang terutamanya pekerja.

Menurut American Public Works Association (Stone, 1974 Dalam Kodoatie, RJ, 2005) infrastruktur adalah kemudahan-kemudahan fizikal yang dibangunkan atau diperlukan oleh pihak awam untuk fungsi-fungsi pemerintahan dalam penyediaan air, tenaga elektrik, pembuangan sisa, pengangkutan dan perkhidmatan untuk bertujuan untuk sosial dan ekonomi. Jadi infrastruktur merupakan sistem fizikal yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas manusia dalam skop ekonomi dan sosial.

Menurut konteks kajian, infrastruktur adalah satu kepuasan kepada pekerja tentang faktor keselamatan ketika bekerja di gudang kerana di gudang terdapat banyak peralatan dan kemudahan yang digunakan pekerja ketika sedang membuat kerja.

1.7.4 Susun Atur

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, Susun Atur adalah cara menyusun dan mengatur sesuatu barangan.

Menurut konteks kajian, susun atur yang digunakan di gudang pasaraya yang dikaji memberi kesan kepada faktor keselamatan mereka semasa berkerja di gudang.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian adalah kekangan atau sesuatu perkara yang merupakan halangan dalam kajian. Oleh itu, limitasi kajian perlu dilaporkan walaupun secara ringkas. Selain itu, limitasi kajian juga merujuk kepada kemungkinan wujudnya kelemahan kajian yang di luar kawalan. Antara limitasi kajian yang dihadapi adalah masa. Pengkaji diberikan masa terhad untuk menyempurnakan keseluruhan kajian. Tempoh masa yang diberikan hanya 6 bulan sahaja. Limitasi kajian yang kedua adalah lokasi. Lokasi kajian tertumpu kepada lima gudang pasaraya di sekitar Seberang Perai iaitu di Mydin Bukit Mertajam, Aeon Big Seberang Jaya, Pacific Pinang Megamall, Parkson Sunway Carnival Mall dan Tesco Seberang Jaya. Seterusnya faktor kos. Disebabkan lokasi yang berbeza, maka kos pengangkutan juga akan meningkat. Kos lain yang perlu ditanggung adalah perbelanjaan mencetak dan perbelanjaan elektrik. Akhir sekali, responden juga merupakan limitasi kajian. Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 100 orang responden yang mana terdiri daripada pekerja gudang di lima pasaraya yang dipilih di sekitar kawasan Seberang Perai.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian dilakukan untuk melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan. Dengan melakukan sorotan kajian, pengkaji dapat mengkaji sama ada pembolehubah yang dikaji bersesuaian dengan kajian. Ini bertujuan untuk menguatkan lagi objektif terhadap perkara yang ingin dikaji. Sorotan kajian bertujuan untuk membincangkan tentang beberapa penulisan kajian dan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian.

2.2 POLISI KESELAMATAN

Gudang pasaraya kerap melakukan aktiviti penyimpanan barang atau transaksi barang keluar masuk. Oleh itu, pekerja gudang harus peka dengan keselamatan gudang atau tahu bagaimana untuk menguruskan kerja-kerja gudang secara selamat bagi mengelakkan dari berlakunya kemalangan kerana peratusan berlakunya kemalangan digudang adalah tinggi disebabkan aktiviti transaksi yang kerap berlaku,

terutamanya pekerja gudang, malahan keselamatan ditempat kerja haruslah diterapkan dalam pekerja.

Polisi merupakan satu pelan tindakan yang dilakukan atau perlu diikuti oleh pengguna. Tujuan polisi dibuat adalah bagi mewujudkan satu undang-undang bagi mencapai satu arah atau tujuan sesebuah organisasi atau jabatan. Polisi keselamatan dibangunkan bagi memberi garis panduan dan prosedur sistem kerja yang selamat bagi setiap petugas supaya dapat melaksanakan tugas harian dengan selesa, sihat dan selamat.

Menurut Michael J Bruton (1995) keselamatan tidak boleh dipisahkan daripada kemalangan. Kelalaian merupakan sebab tunggal yang terbesar bagi kemalangan maut. Tujuan polisi keselamatan adalah menggambarkan penekanan serta komitmen syarikat bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja semasa bekerja. Ia adalah asas bagi membangunkan serta melaksanakan program keselamatan ditempat kerja. Ia juga harus membabitkan kesemua aktiviti pekerjaan dan proses membuat keputusan di dalam sebuah organisasi atau di tempat kerja.

Polisi keselamatan adalah salah satu faktor yang penting dalam gudang untuk pekerja mengikut bagi mengelakkan dari berlaku kemalangan dalam gudang. Keselamatan dalam pekerjaan adalah sangat penting dan mesti dipraktikkan serta diamalkan secara berterusan untuk menjamin keselamatan diri dan orang lain ditempat kerja, sama ada dikilang, pejabat, pelabuhan, dan termasuklah gudang penyimpanan barangan. Langkah-langkah keselamatan mestilah dipastikan dari segi pakaian, keadaan sekeliling, bengkel, gudang, dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di tempat kerja.

Sebagai seorang pengurus atau pekerja di tempat kerja yang bertanggungjawab dan berdisiplin, mereka mestilah mengikut peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan supaya mereka dapat mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan atau kecederaan ketika berada di tempat kerja. Budaya ditempat kerja adalah faktor utama yang menjamin keselamatan nyawa dan juga harta benda. Ianya memberi pengetahuan supaya mereka dapat membudayakan diri tentang tanggungjawab ditempat kerja termasuklah di gudang secara berterusan. Selain itu, risiko berlakunya kebakaran adalah tinggi jika mereka tidak mematuhi peraturan. Ianya juga disebabkan kecuaiannya mereka sendiri secara langsung atau tidak langsung ketika berada di tempat kerja.

Oleh itu, mereka mesti berpengetahuan punca-punca dan cara mengelakkan kebakaran di tempat kerja. Sebelum itu, mereka perlu mengetahui apakah definisi alat pemadam api, jenis-jenis pemadam api termasuk fungsi dan cara penggunaannya, dan kelas-kelas kebakaran. Ini adalah penting untuk mereka bertindak membantu memadam kebakaran yang kecil mengikut kelas api kebakaran sekiranya berlaku kebakaran di gudang. Mereka juga dapat mempelajari jenis-jenis alat pemadam api dan kelas-kelas api, dan kesesuaian untuk jenis-jenis kebakaran.

Polisi keselamatan sangat penting dan harus diguna pakai untuk menjamin keselesaan pekerja serta mendapat kepercayaan dalam melakukan sesuatu perkerjaan dengan lebih berkualiti dan selamat. Sesebuah gudang pasaraya mematuhi Jabatan Buruh (PERKESO) serta mengikut kriteria yang ditetapkan. Ini mengelakkan berlakunya kemalangan disebuah organisasi. Majikan gudang pasaraya juga harus bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah keselamatan di setiap organisasi dilakukan supaya dapat dielakkan perkara yang berbahaya daripada aspek keselamatan. Kesimpulannya, aspek keselamatan tidak boleh dipandang remeh oleh